



## NOTIS PEMAKLUMAN

Tarikh: 22 Mei 2023

KEPADА SESIAPA YANG BERKENAAN,

### NOTIS PENGGUNAAN EUROPEAN COMMISSION TRADE CONTROL AND EXPERT SYSTEM (TRACES) UNTUK TUJUAN PENGELUARAN SIJIL KESIHATAN VETERINAR BAGI PENGEKSPORTAN MAKANAN HAIWAN KE NEGARA-NEGARA KESATUAN EROPAH

Notis ini adalah untuk memaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) akan menggunakan sistem TRACES untuk pengeluaran **sijil kesihatan veterinar (SKV) bagi skop produk 'insect meal' dan 'insect oil' sebagai makanan haiwan** ke Kesatuan Eropah.

*Trade Control And Expert System (TRACES)* adalah platform milik European Commission (EU) bagi tujuan pengeluaran sijil sanitari dan fitosanitari bagi tujuan import dan eksport haiwan, produk haiwan, makanan haiwan, makanan dan tumbuhan ke negara-negara Kesatuan Eropah dan antara negara ahli Kesatuan Eropah (*EU Member States*).

Ini adalah selaras dengan syarat dikenakan oleh Kesatuan Eropah di mana SKV bagi pengimportan 'insect meal' dan 'insect oil' perlu mematuhi format seperti yang digariskan di dalam *Commission Regulation (EU) No 142/2011 of 25 February 2011 di Annex XV, Chapter 1a of R-2011/142*.

Permohonan melalui sistem TRACES ini masih memerlukan pihak pengeksport untuk membuat permohonan permit eksport dan SKV di dalam sistem ePermit memandangkan barang ini memerlukan eksport permit daripada MAQIS. Carta Alir Permohonan adalah seperti di Lampiran 1.

Senarai loji pemprosesan makanan haiwan berdasarkan serangga yang diperakui untuk eksport ke EU serta prosedur permohonan penyenaraian bagi pengeksportan Insect Meal dan Insect Oil sebagai makanan haiwan ke EU boleh dirujuk di laman web rasmi jabatan di pautan ini: <https://www.dvs.gov.my/index.php/pages/view/4418>

**CARTA ALIR PENGGUNAAN EUROPEAN COMMISSION TRADE CONTROL AND EXPERT SYSTEM (TRACES) UNTUK TUJUAN PENGELUARAN SIJIL KESIHATAN VETERINAR BAGI PENGEKSPORTAN MAKANAN HAIWAN KE KESATUAN EROPAH**

**ePermit**



Pihak pengeksport membuat permohonan permit eksport dan SKV melalui sistem ePermit.

Pihak pengeksport membuat permohonan SKV melalui sistem TRACES

Permohonan SKV disemak dan diluluskan oleh pihak berkuasa veterinar negeri

Permohonan SKV disemak dan diluluskan oleh pihak berkuasa veterinar negeri

Permohonan permit eksport disemak dan diluluskan oleh MAQIS

Permohonan diperakukan dan diluluskan oleh Jabatan Diraja Kastam

DVS Negeri mengeluarkan kedua-dua sijil tersebut setelah tandatangan dan cop rasmi setelah permohonan di luluskan di dalam sistem TRACES dan sistem ePermit

Pihak pengeksport membuat pembayaran di kaunter DVS Negeri setelah kedua-dua permohonan di luluskan di dalam sistem TRACES dan sistem ePermit

Pihak pengeksport mengutip sijil kesihatan veterinar di DVS Negeri